



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

ISU VIDEO TULAR JAWATANKUASA WAJIB TAYANG FINAS

Saya telah mengarahkan pengurusan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) agar menurunkan sebuah video informasi oleh Jawatankuasa Wajib Tayang setelah menerima beberapa reaksi daripada penggiat industri perfileman. Keputusan ini dibuat untuk mengelakkan kekeliruan dan ianya menggambarkan seolah-olah memberi satu janji pelaksanaan yang belum pasti.

Kami di Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) peka terhadap situasi yang dihadapi oleh industri perfileman akibat wabak Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KKMM akan mengadakan perbincangan khas antara KKMM, FINAS dan penggiat industri untuk merangka mekanisme tayangan semula, dan juga langkah-langkah untuk membantu mereka menghadapi cabaran dan merencanakan semula industri perfileman pasca wabak Covid-19.

Saya juga akan memperhalusi pelaksanaan skim wajib tayang atau sebarang insentif baharu yang mampu bagi merangsangkan semula industri perfileman pasca wabak Covid-19 nanti.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA
28 APRIL 2020